

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PENIAGAWATI KE 32

TARIKH : **14 Jun 2016**
MASA : **3.30 petang**
TEMPAT : **Anggerik Hall,
D'Saji KL Titiwangsa
Kuala Lumpur**

KEHADIRAN : **Ahli Seumur Hidup (LM)- 28**
Ahli Biasa (OM) - 25

Jumlah Kehadiran **53**

PENGERUSI : **YBhg Dato' Hazimah Zainuddin**
Yang Dipertua Peniagawati

AGENDA

- 1.0 Kata Aluan serta Pesanan Pengerusi Mesyuarat oleh YBhg Dato' Hazimah Zainuddin
- 2.0 Ucapan Dasar oleh Presiden Peniagawati YBhg Dato' Azlin Ahmad Shaharbi
- 3.0 Pengumuman Koram
- 4.0 Membentang dan Meluluskan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Peniagawati ke 31
- 5.0 Membentang Laporan Tahunan Peniagawati bagi Sesi 2015/2016
- 6.0 Membentang dan Meluluskan Laporan & Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015
- 7.0 Perlantikan Juruaudit Dalaman bagi tempoh 2016/2017
- 8.0 Perlantikan Juruaudit Luaran bagi tempoh 2016/2017
- 9.0 Hal-Hal Lain
- 10.0 Penangguhan Mesyuarat

BIL	PERKARA	TINDAKAN
<p>1.0</p> <p>1.1</p> <p>1.2</p> <p>1.3</p>	<p><u>Pesanan Pengerusi Mesyuarat</u></p> <p>Yang DiPertua Peniagawati, YBhg Dato' Hazimah Zainuddin selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkatNya, Mesyuarat ini dapat diadakan pada hari ini. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Dato' Presiden dan barisan EXCO/AJK kerana telah bekerja keras bagi memantapkan lagi nama Peniagawati melalui pelbagai aktiviti dan program.</p> <p>Beliau berharap ahli-ahli Peniagawati dapat mengenali barisan EXCO/AJK dengan lebih dekat dan mengeratkan silaturrahim di kalangan ahli. Dengan adanya hubungan yang erat di antara ahli, Peniagawati akan menjadi mantap dan maju serta lebih banyak aktiviti dapat dilaksanakan.</p> <p>Pengerusi Mesyuarat seterusnya menjemput YBhg Puan Sri Ashidah Minin (LM 0014) untuk membaca doa. Selepas bacaan doa, mesyuarat disajikan dengan 'slide show' yang memaparkan aktiviti-aktiviti Peniagawati pada tahun yang lepas. Pengerusi kemudiannya menjemput Dato' Azlin Ahmad Shaharbi selaku Presiden Peniagawati untuk menyampaikan Ucapan Dasar.</p>	
<p>2.0</p> <p>2.1</p> <p>2.2</p> <p>2.3</p>	<p><u>Ucapan Dasar Presiden PENIAGAWATI</u></p> <p>Dato' Presiden memulakan ucapan terima kasih kepada Yang DiPertua, YBhg Dato Hazimah Zainudin atas kehadiran beliau mempengerusikan mesyuarat tahunan ini. Terima kasih juga kepada ahli-ahli veteran Peniagawati yang hadir termasuk mantan Presiden Puan Sri Ashidah Minin, Datin Radziah Mohd Daud serta Dato' Freida Pilus kerana sentiasa memberi sokongan di mesyuarat tahunan Peniagawati. Dato' Presiden juga mengucapkan tahniah kepada Dato' Noraini Soltan yang telah mendapat anugerah yang membawa gelaran Dato' baru-baru ini.</p> <p>Dato' Presiden bangga kerana Peniagawati telah mengadakan pelbagai aktiviti dan program dalam tempoh setahun yang lalu seperti yang dipaparkan di dalam 'slide show'. Butiran tentang aktiviti dan program tersebut boleh didapati di dalam Laporan Tahunan Peniagawati serta di dalam Perutusan Presiden. Dengan itu, beliau tidak berhasrat untuk memberi laporan terperinci tentang setiap program di dalam ucapan beliau, sebaliknya beliau akan menyentuh secara keseluruhan tentang dasar dan pencapaian Peniagawati.</p> <p>Pertama sekali, Dato' Presiden mengulas tentang fokus beliau untuk meningkatkan kuantiti usahawan muda atau Gen Y di dalam Peniagawati. Fokus ini diberikan kerana Gen Y adalah generasi pelapis yang perlu dibimbing bukan sahaja untuk menjadi pemimpin Peniagawati di masa hadapan tetapi juga untuk menjadi usahawan wanita yang berjaya. Kehadiran 'darah muda' di dalam Peniagawati juga tentunya memberi semangat, 'renewed energy' serta kepelbagaian kepada keahlian Peniagawati.</p>	

2.4	<p>Semasa Dato' Presiden mengambilalih pucuk pimpinan Peniagawati pada tahun 2012, purata umur ahli Peniagawati adalah lebih dari 50 tahun di mana ramai yang mempunyai persepsi bahawa Peniagawati adalah untuk golongan yang veteran dan elite. Dato' Presiden memuji Timbalan Presiden 2, Puan Ili Zawani kerana walaupun begitu keadaannya dahulu, Puan Ili adalah satu-satunya Gen Y yang tampil untuk menyertai Jawatankuasa semasa umur beliau hanya 20 tahun. Fokus Dato' Presiden di dalam Gen Y serta kehadiran Puan Ili yang menyandang jawatan yang tinggi juga telah mendorong lebih ramai Gen Y yang lain untuk menjadi ahli Peniagawati. Kini, anggaran purata umur di kalangan ahli Peniagawati yang aktif telah jatuh kepada kurang dari 40 tahun dan ramai Gen Y yang menyandang jawatan di dalam Jawatankuasa Peniagawati.</p>	
2.5	<p>Dato' Presiden juga sekali lagi menekankan betapa pentingnya bagi ahli Peniagawati untuk bersatu secara harmoni dengan sikap "Love One Another". Beliau menyarankan agar ahli menjauhkan diri dari perasaan hasad dengki dan sentiasa membantu dan memberi sokongan antara satu sama lain. .</p>	
2.6	<p>Dato' Presiden juga inginkan ahli Peniagawati mengamalkan minda terbuka dan 'inclusive' di kalangan ahli supaya ahli Peniagawati dapat dilihat sebagai wanita contoh yang dihormati di kalangan NGO wanita di Malaysia.</p>	
2.7	<p>Dato' Presiden juga menekankan bahawa Peniagawati telah menyediakan satu platform yang baik bagi ahli mempertingkatkan diri sebagai usahawan melalui program keusahawanan serta juga 'networking' bersama usahawan wanita berjaya. Dato' Presiden mengambil sebagai contoh 3 ahli Peniagawati yang hadir pada mesyuarat ini iaitu Dato' Hazimah Zainuddin, Dato' Freida Pilus dan Dato' Noraini Soltan yang merupakan pemenang anugerah berprestij Ernst & Young Woman Entrepreneur of The Year. Kehadiran usahawan berjaya di kalangan ahli boleh memberi semangat dan bimbingan kepada ahli-ahli yang lain.</p>	
2.8	<p>Seterusnya Dato' Presiden menerangkan strategi Peniagawati dari sudut penggunaan media. Peniagawati amat bertuah kerana sentiasa mendapat sokongan media yang sering memaparkan cerita tentang program Peniagawati serta menonjolkan beliau dan ahli-ahli Peniagawati di dalam media cetak dan elektronik. Walaupun ada pihak yang melihat ini sebagai mengejar 'glamour' namun Dato' Presiden percaya bahawa ini adalah satu strategi yang baik yang telah berjaya memberi kesedaran kepada orang ramai tentang usaha dan program Peniagawati yang sekaligus telah membantu meningkatkan keahlian terutama di kalangan Gen Y dan mengharumkan imej Peniagawati sebagai persatuan usahawan yang aktif dan relevan. Dato' Presiden juga menerangkan bahawa peranan dan pembabitan beliau sendiri di dalam media sememangnya bertujuan untuk meningkatkan lagi nama Peniagawati dan mengeratkan hubungan pihak media dan Peniagawati.</p>	
2.9	<p>Peranan dan liputan media memang telah menampakkan kesan yang positif dari segi peningkatan keahlian Peniagawati. Dato' Presiden melaporkan daripada Mesyuarat Tahunan yang lepas hingga kini, terdapat peningkatan keahlian yang ramai iaitu kemasukan 107 ahli baru di mana 31 orang adalah ahli seumur hidup manakala selebihnya telah mendaftar sebagai ahli biasa.</p>	

2.10	<p>Dato' Presiden seterusnya melaporkan bahawa semenjak mesyuarat tahunan yang lepas, Peniagawati telah dilantik mengendalikan 2 program besar di mana watakah perlantikan diberi kepada Peniagawati oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sendiri. Pertama adalah bagi pengendalian program Crash Course Undang-Undang Untuk Usahawan anjuran bersama Teraju dan Inskan dan yang kedua adalah bagi pengendalian Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) bersama SMEcorp.</p>	
2.11	<p>Bagi Program Galakan Eksport Bumiputera, Peniagawati merupakan salah satu dari hanya 8 persatuan yang telah terpilih untuk menawarkan dana sehingga RM 500,000 bagi tujuan eksport kepada ahli-ahlinya. Ini bermakna bahawa ahli-ahli Peniagawati amat bertuah kerana dana ini hanya boleh dipohon melalui Peniagawati dan 7 persatuan lain. Peniagawati telah mewar-warkan program ini kepada ahli dan setakat ini, 3 syarikat di kalangan ahli telahpun menghantar permohonan.</p>	
2.12	<p>Manakala bagi program Crash Course Undang-Undang Untuk Usahawan, Peniagawati telah dilantik oleh Teraju/Inskan untuk melatih 1000 usahawan dalam aspek undang-undang untuk perniagaan di 20 lokasi di seluruh negara dalam tempoh 15 bulan. Dana yang diberikan oleh Teraju bagi menjalankan program ini bernilai RM 1 juta. Undang-undang perniagaan adalah satu siri latihan yang penting bagi usahawan, namun latihan ini tidak ditawarkan oleh mana-mana pihak melainkan Peniagawati yang menjadikan salah satu sebab mengapa program ini dipilih. Daripada Nov 2015, sebanyak 13 program telah dijalankan termasuk di Johor, Ipoh, Kota Kinabalu, Tawau, Melaka, Kuala Lumpur dan lain-lain. Dato' Presiden bangga kerana program ini telah mendapat sambutan yang amat baik dan penyertaan peserta di setiap lokasi adalah lebih dari yang dijangkakan. Program ini juga telah membawa nama Peniagawati ke banyak tempat di seluruh negara dan menarik ramai peserta wanita untuk mendaftar sebagai ahli.</p>	
2.13	<p>Dato' Presiden kemudiannya menjelaskan lebih lanjut tentang proses mendapatkan program seperti Crash Course Undang-undang untuk mengelak salah faham di kalangan ahli lebih-lebih lagi kerana ia membabitkan dana yang besar dan Dato' Presiden pula adalah pelatih kursus tersebut. Beliau menjelaskan bahawa bagi setiap program, kertas kerja program bukan disediakan oleh Peniagawati dan kemudiannya diberikan kepada pelatih atau syarikat yang dipilih oleh Peniagawati untuk menjalankannya. Sebaliknya, kertas kerja program datang dari pihak yang menjalankan program tetapi permohonan dibuat di bawah nama Peniagawati dengan syarat bahawa sekiranya program itu diluluskan, program akan dijalankan oleh pemilik program yang harus memberi 5% dari nilai program kepada Peniagawati sebagai kos pentadbiran dan menentukan pelaksanaan program. Prosedur permohonan program latihan sebegini telah dipraktikkan oleh Peniagawati semenjak awal dahulu dan ini membolehkan lebih banyak program dijalankan. Oleh kerana ini, Dato' Presiden telah berkali-kali meminta ahli-ahli mengemukakan kertas kerja mereka, namun tidak ramai yang berbuat demikian.</p>	
2.14	<p>Prosedur yang sama telah digunapakai bagi program Teraju di mana beberapa kertas kerja bagi pelbagai topik telah dimasukkan oleh ahli-ahli yang berlainan mengikut kepakaran mereka. Setelah beberapa sesi 'pitching', Teraju telah meluluskan program Undang-undang yang dikemukakan oleh Dato Presiden serta</p>	

<p>2.15</p> <p>2.16</p>	<p>program "Risk Management" oleh Puan Latifah Ghazali. Atas permintaan Teraju, kedua program ini telah digabungkan menjadi satu program 3-hari. Seperti biasa, program dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak yang mengemukakan kertas kerja dan bagi program Teraju ini di mana dana yang diluluskan adalah RM 1 juta, Peniagawati telah mendapat kos pentadbiran sebanyak RM 50,000.</p> <p>Dato' Presiden mengumumkan bahawa dalam bulan November 2016, satu program bertajuk "Peniagawati Project Runway" akan diadakan di mana Peniagawati akan menonjolkan 6 pereka fesyen yang merupakan ahli Peniagawati untuk menyertai Malaysia Fashion Week. Ini adalah kali pertama Peniagawati mengadakan program spesifik bagi pereka fesyen memandangkan kini terdapat lebih ramai ahli di dalam bidang fesyen dan juga untuk mengambil peluang yang terdapat di Malaysia Fashion Week.</p> <p>Akhir sekali, Dato' Presiden mengumumkan bahawa selepas tamatnya mesyuarat tahunan ini, program akan diteruskan dengan Majlis Tazkirah yang akan disampaikan oleh Ustazah Asni dan akan disusuli dengan Majlis Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim. Dato' Presiden berharap ramai ahli akan dapat menyertai program seterusnya ini.</p> <p>Dato' Presiden mengakhiri ucapan dengan meminta sokongan dan kerjasama berterusan dari ahli-ahli untuk menjayakan program-program anjuran Peniagawati. Segala cadangan atau komen untuk penambahbaikan program Peniagawati adalah dialu-alukan dan boleh dihantar melalui emel kepada sekretariat. Dato' Presiden juga mengucapkan terima kasih kepada Exco dan Ahli Jawatankuasa Peniagawati yang telah bekerja keras untuk memastikan program-program dilaksanakan dengan jayanya. Dato' Presiden juga memohon ampun dan maaf atas segala kesalahan dan kelemahan beliau selama menjadi Presiden Peniagawati.</p>							
<p>3.0</p> <p>3.1</p>	<p><u>Pengumuman Koram</u></p> <p>Pengerusi memaklumkan kepada sidang mesyuarat bahawa ahli yang hadir memenuhi koram adalah seperti berikut:</p> <table style="margin-left: 40px;"> <tr> <td>Ahli Seumur Hidup</td> <td>: 28 orang</td> </tr> <tr> <td>Ahli Biasa</td> <td>: <u>25 orang</u></td> </tr> <tr> <td></td> <td><u>53 orang</u></td> </tr> </table>	Ahli Seumur Hidup	: 28 orang	Ahli Biasa	: <u>25 orang</u>		<u>53 orang</u>	
Ahli Seumur Hidup	: 28 orang							
Ahli Biasa	: <u>25 orang</u>							
	<u>53 orang</u>							
<p>4.0</p> <p>4.1</p>	<p><u>Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 32</u></p> <p>Puan Hasnida Abdul Hamid selaku Setiausaha Kehormat membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 31 seperti yang terdapat di muka surat 9-16. Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 31 telah dicadang untuk diterima oleh Puan Sri Ashidah Minin (LM 0014) dan disokong oleh Datin Radziah Mohd Daud (LM 0244).</p>							

<p>5.0</p> <p>5.1</p>	<p><u>Membentang Laporan Tahunan Bagi Tahun 2015-2016</u></p> <p>Puan Hasnida Abdul Hamid selaku Setiausaha Kehormat sekali lagi membentangkan Laporan Tahunan bagi sesi 2015-2016 seperti yang terdapat di muka surat 17 – 23.</p>	
<p>6.0</p> <p>6.1</p> <p>6.2</p>	<p><u>Membentang dan Menerima Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015</u></p> <p>Cik Intan Mawarni Kamarudin selaku Bendahari Kehormat membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.</p> <p>Cik Ku Nor Azreena (LM 0972) mencadangkan Laporan Penyata Kewangan tersebut diterima dan cadangan itu disokong oleh Puan Siti Rahimah (LM 1223).</p>	
<p>7.0</p> <p>7.1</p> <p>7.2</p>	<p><u>Perlantikan Juruaudit Dalam bagi tempoh 2016-2017</u></p> <p>Pengerusi membacakan Fasal 12 dari Perlembagaan yang menyatakan seorang Juruaudit dalam hendaklah dilantik setiap tahun.</p> <p>Puan Hasnida Abdul Hamid (LM 1167) mencadangkan Datin Dr Hasnorliza (LM 1238) sebagai Juruaudit bagi tempoh 2016-2017 dan disokong sebulat suara oleh sidang mesyuarat.</p>	
<p>8.0</p> <p>8.1</p>	<p><u>Perlantikan Juruaudit Luaran bagi tempoh 2016-2017</u></p> <p>Dato Azlin Ahmad Shaharbi (LM 0030) mencadangkan MNZ Waja dilantik semula sebagai Juruaudit Luaran bagi tempoh 2016-2017 dan disokong oleh Puan Hanizah Zainudin (LM 0080).</p>	
<p>9.0</p> <p>9.1</p> <p>9.2</p> <p>9.3</p> <p>9.4</p>	<p><u>Hal-Hal Lain</u></p> <p>Pengerusi mengesahkan bahawa tidak ada usul yang diterima daripada ahli untuk dibentangkan di dalam mesyuarat.</p> <p>Dengan itu, Pengerusi membuka peluang kepada ahli-ahli untuk mengemukakan sebarang hal-hal lain untuk dibincang.</p> <p>Pengerusi juga menggalakkan ahli-ahli Peniagawati untuk menggunakan persatuan ini sebagai satu platform untuk terus mengembangkan perniagaan melalui program atau menghadiri aktiviti yang dijalankan oleh Peniagawati. Pengerusi juga mengingatkan ahli untuk membaca emel dan laman facebook Peniagawati untuk mengetahui program-program terkini.</p> <p>Memandangkan Peniagawati kini mempunyai peningkatan ahli di peringkat negeri hasil dari program Crash Course, Pengerusi mencadangkan supaya</p>	

9.5	<p>Jawatankuasa Peniagawati mengkaji semula cara untuk mengaktifkan ahli-ahli di setiap negeri. Beliau menyatakan bahawa Peniagawati dahulunya mempunyai Badan Penyelaras Negeri (BPN), namun telah dihentikan kerana timbulnya beberapa masalah.</p> <p>Dato' Freida Pilus mencadangkan bahawa Peniagawati mengadakan satu program hujung minggu bertempat di kolej beliau Cempaka International Ladies College di mana ahli dapat mengenali satu sama lain dan mengeratkan silaturrahim. Dato' Presiden menyambut baik cadangan itu.</p>	
<p>10.0</p> <p>10.1</p> <p>10.2</p>	<p><u>Penangguhan Mesyuarat</u></p> <p>Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir dan memberi kerjasama yang baik sepanjang perjalanan mesyuarat dan memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan atau tersalah tutur kata semasa beliau menjalankan tugas sebagai Pengerusi mesyuarat. Pengerusi berharap akan bertemu lagi pada Mesyuarat Agung Tahunan ke 33 tahun hadapan. InsyaAllah.</p> <p>Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 32 ditangguhkan pada jam 5.45 petang.</p>	